

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2020

SEMAKAN STATUS BSH 2020

A. Kaedah Semakan Status BSH 2020

1. **S: Bagaimanakah saya boleh mengetahui status BSH 2020?**

J: Semakan status BSH 2020 boleh dibuat melalui:

- i. Portal Rasmi Bantuan Sara Hidup LHDNM, <https://bsh.hasil.gov.my> dengan memilih Menu Semakan Status Permohonan (Maklumat pembayaran BSH 2020); atau
- ii. Aplikasi Semakan Bantuan Sara Hidup dengan memuat turun di *Play Store / App Store* pada telefon bimbit; atau
- iii. Hubungi LHDNM: 1-800-88-2747 (waktu operasi: 9.00 pagi – 5.00 petang); atau
- iv. Hubungi MoF: 03-8882 4565 / 4566 (waktu operasi: 9.00 pagi – 5.00 petang); atau
- v. Hadir ke LHDNM yang berhampiran

2. **S: Bagaimanakah cara untuk membuat semakan status BSH 2020 melalui Portal Rasmi BSH (<https://bsh.hasil.gov.my>)?**

J: Semakan boleh dibuat pada Menu Semakan Status Permohonan (Maklumat pembayaran BSH 2020) seperti berikut:

- i. Klik Menu Semakan Status Permohonan (Maklumat pembayaran BSH 2020)
- ii. Masukkan Nombor MyKad
- iii. Isi *captcha* dan tekan butang Semak.
- iv. Maklumat yang akan dipaparkan
 - a. Status Permohonan
 - b. Maklumat Pembayaran (Jika Ada)

B. Semakan Status Permohonan BSH 2020

3. **S: Saya membuat semakan pada Menu Semakan Status Permohonan dan paparan menunjukkan Status Permohonan adalah Permohonan Diterima. Apakah yang dimaksudkan dengan PERMOHONAN DITERIMA?**

J: **PERMOHONAN DITERIMA** ialah Permohonan telah dikemaskini bagi BSH 2020 tetapi belum menjalani proses semakan dan verifikasi kelayakan.

4. **S: Saya membuat semakan pada Menu Semakan Status Permohonan dan paparan Status Permohonan adalah Belum Kemas Kini. Apakah yang dimaksudkan dengan BELUM KEMAS KINI?**

J: **BELUM KEMAS KINI** ialah Permohonan BSH sebelum ini yang telah di bawa ke BSH 2020. Sekiranya tiada sebarang perubahan maklumat, tindakan kemas kini tidak perlu dibuat. Permohonan berkenaan akan melalui proses semakan dan verifikasi kelayakan berdasarkan maklumat BSH sebelum ini.

5. **S: Saya membuat semakan pada Menu Semakan Status Permohonan dan paparan Status Permohonan adalah Tidak Layak. Apakah yang dimaksudkan dengan TIDAK LAYAK?**

J: Sila hubungi cawangan LHDNM berdekatan untuk mengetahui maklumat lanjut berkenaan Status Tidak Layak tersebut.

6. **S: Saya membuat semakan pada Menu Semakan Status Permohonan tetapi mesej yang dipaparkan adalah "Tiada Rekod", apakah tindakan yang perlu saya lakukan?**

J: Mesej berkenaan dipaparkan kerana anda tidak mempunyai rekod Permohonan BSH sebelum ini. Oleh itu, anda boleh membuat Permohonan Baharu mulai 1 Februari 2020 hingga 15 Mac 2020.

C. Semakan Maklumat Pembayaran Fasa Pertama BSH 2020

7. **S: Apakah yang dimaksudkan dengan status permohonan DALAM PROSES PENGKREDITAN?**

J: **DALAM PROSES PENGKREDITAN** adalah merujuk kepada data pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 dalam proses pengkreditan ke akaun mulai 20 Januari 2020. Anda boleh membuat semakan pada penyata akaun bank penerima mulai 20 Januari 2020.

8. **S: Saya telah membuat semakan pada Menu Semakan Penerima BSH dan maklumat pembayaran yang dipaparkan pada Status Kredit adalah Gagal Kredit. Apa yang perlu saya lakukan untuk mendapatkan Bayaran Fasa Pertama berkenaan?**

J: Sekiranya Status Kredit yang dipaparkan adalah **Gagal Kredit**, Surat Makluman Bayaran Fasa Pertama Gagal Kredit BSH 2020 akan diposkan kepada penerima bagi penunaian di Kaunter BSN. Jika penerima tidak menerima Surat Makluman berkenaan, penunaian boleh dibuat dengan membawa MyKad setelah **Maklumat No Baucar** dipaparkan pada Maklumat Pembayaran.

Maklumat Pembayaran

Tarikh Kredit	No. Pengenalan Akaun Dikredit	Nama	Fasa	Jumlah Dikredit	Status Kredit	Nama Bank	No Akaun	Kod Tidak Berjaya	No Baucar	Tarikh Tunai
09/01/2020	XXXXXXXXXXXX		1	300	GAGAL KREDIT					

9. **S: Apakah yang dimaksudkan dengan status permohonan PEMBAYARAN SECARA TUNAI?**

J: **PEMBAYARAN SECARA TUNAI** adalah merujuk kepada pembayaran Fasa Pertama BSH 2020 adalah secara tunai di Kaunter BSN. Anda boleh hadir untuk penunaian Fasa Pertama BSH 2020 di Kaunter BSN mulai 1 Februari 2020.